

Perubahan cuaca menuntut masyarakat ubah cara sambut perayaan



Pensyarah Kanan
Jabatan Alam
Sekitar, Fakulti
Perhutanan dan
Alam Sekitar,
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

Oleh Dr Nik Nor Rahimah Nik Ab Rahim
bhrencana@bh.com.my

Beberapa negeri kini mengalami musim panas melampau sejak Februari lalu, sekali gus berisiko menjejaskan sumber air bagi tujuan keterjaminan makanan dan kesihatan masyarakat serta kegunaan domestik di rumah.

Malah, musim panas berpanjangan juga memberi cabaran besar pada musim perayaan kerana pelbagai aktiviti sosial seperti kunjung-mengunjung, jamuan dan rumah terbuka memerlukan banyak sumber air bersih.

Ini menyebabkan pertambahan permintaan terhadap air bersih, sekali gus memberi tekanan kepada sektor perkhidmatan bekalan air yang berdepan cabaran kekurangan sumber disebabkan proses penyejatan cepat di empangan dan sungai.

Dalam konteks keterjaminan makanan, kadar hujan rendah boleh menyebabkan hasil pertanian berkurangan akibat penyejatan air dalam tanah berlaku dengan pantas dan mengurangkan kelembapan tanah, manakala sayuran tertentu mendapat manfaat daripada cuaca panas pula dijual dengan harga lebih tinggi berdasarkan permintaan.

Tidak kurang juga sektor penternakan, akual-kultur dan perladangan yang memerlukan cukup sumber air untuk penghasilan komoditi bagi memenuhi permintaan terutama musim perayaan. Kesan rantaian perubahan cuaca ini mencetuskan situasi seperti kenaikan harga makanan, pembelian panik dan kebergantungan produk makanan import yang perlu diberikan perhatian serta tin-

dakan segera oleh pihak berwajib kerana ia pasti membebankan kewangan rakyat.

Kesihatan masyarakat turut terjejas ketika kemarau kerana cuaca kering dan panas memberi impak signifikan dengan kenaikan suhu serta risiko jerebu.

Antara risiko kesihatan sering dikaitkan musim kemarau ialah strok haba, keletihan, kekejangan otot, kesihatan kardiovaskular, penyakit respiratori dan peningkatan penyakit bawaan vektor.

Hadkan aktiviti luar

Oleh itu, aktiviti luar wajar dihadkan bagi mencegah risiko kesihatan meskipun diakui ia sukar dibuat kerana keluarga, saudara dan sahabat mengambil kesempatan untuk berkumpul pada mu-



sim perayaan. Namun, masyarakat perlu bersedia mengubah gaya hidup untuk beradaptasi dengan perubahan cuaca ini.

Pada masa sama, pihak berwajib perlu berte-rusan mencari inisiatif terbaik untuk menyampaikan maklumat dan membina kesedaran kepada masyarakat terhadap kelestarian sumber alam sekitar.

Ini termasuk pengetahuan berkaitan penerapan amalan terbaik seperti menggunakan produk cekap air, penjimatan, mengumpul air hujan dan mengguna semula air kelabu atau air buangan domestik.

Hakikatnya, perubahan sikap masyarakat penting untuk menghasilkan generasi berdaya tahan dalam mengamalkan amalan terbaik sepanjang tempoh perubahan cuaca supaya mereka tidak canggung untuk mengubah amalan turun temurun termasuk pada musim perayaan.

Masyarakat boleh memanfaatkan teknologi seperti mengadakan pertemuan secara maya untuk menggantikan jamuan rumah terbuka untuk mengelakkan penggunaan air dan makanan berlebihan, sekali gus mengurangkan pendedahan kepada penyakit berjangkit.

Hal ini tidak terhad pada musim perayaan pada bulan ini, sebaliknya untuk tempoh 10 tahun kerana Institut Pendidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) bersama Unit Pemodenan dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) meramalkan Malaysia bakal dilanda musim panas melampau antara 2025 sehingga 2035.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH